



Perutusan Aidilfitri Presiden ISMA



Ust. Abdullah Zaik bin Abd Rahman

MENARIK DI DALAM

- Kehidupan yang singkat & kematian yang panjang *muka 3*
- Kejohanan Futsal KRIM Pantai Timur *muka 5*
- Harta sepencarian mengikut perspektif Islam 2 *muka 7*

DIARI ISMA

BOLASEPAK 9 SEBELAH KRIM SAK

Tarikh: 3 NOVEMBER 2007

KEM REMAJA ISMA 2007 (KERIS '07)

Tarikh: 7-10 DISEMBER 2007

Saya mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan selamat menyambut Hari Raya Eidil Fitri kepada ahli-ahli, rakan-rakan ISMA dan semua kaum muslimin dan muslimat yang membaca perutusan ini.

Pertamanya marilah kita merakamkan jutaan kesyukuran kerana dipanjangkan usia dan diberikan kesihatan sehingga dapat menyelesaikan ibadah puasa Ramadhan pada tahun ini. Mudah-mudahan Allah menerima ibadah kita dan memanjangkan usia kita ke Ramadhan akan datang. *Wa kullu am wa antum bikhair.*

Yakinlah bahawa Allah menjadikan penegak kepada pembangunan umat ini terkandung dalam intipati penghayatan terhadap agama Islam itu sendiri. Dengan kata lain, Allah menjadikan dalam din-Nya ini unsur-unsur dan perkakasan yang jika diperkasakan akan memberikan kekuatan kepada penganutnya. Meskipun umat Islam telah melalui berbagai dugaan, peperangan, pemusnahan, kejatuhan, kemunduran, fitnah dan sebagainya, namun ia tetap mampu bertahan dan masih dikira sebuah umat yang terunggul.

Ini adalah kerana hikmah Allah yang menjadikan survival umat ini ada pada ajaran agamanya. Selama umat Islam beramal dengan sungguh-sungguh dengan agama Islam, selama itu mereka tidak akan dikalahkan. *"Sesungguhnya Kami yang menurunkan peringatan dan Kamilah yang akan memeliharanya"* (al-Hijr: 9). Mungkin mereka lemah oleh pepecahan dan hilang kepimpinan, namun lambat laun mereka akan kembali berkuasa bila diberi peluang untuk bersatu dan dikurniakan pemimpin *rabbani*.

Saya ingin menegaskan kepada ahli, rakan dan umat Islam bahawa inilah fikrah dan keyakinan ISMA. Kekuatan umat ini akan dapat dikembalikan apabila kita dapat mendidik mereka dengan *wasilah* atau wahana kekuatan yang menjadi tiang agama ini sendiri. Inilah *manhaj* dakwah kita dan inilah seruan kita yang sangat jelas...satu-satunya cara untuk mengembalikan kekuatan dan kekuasaan umat Islam ialah dengan mengembalikan mereka kepada Islam dan mendidik mereka dengan berbagai *wasilah* kekuatan yang ada di dalamnya.

Ramadhan adalah bulan pendidikan yang penuh dengan *wasilah* yang memberikan kekuatan kepada umat Islam di peringkat individu dan juga umat. Ramadhan mendekatkan muslim dengan Allah, mentelaah *dustur* atau perlembagaan hidupnya (al-Quran) melalui tadarus, membentuk jiwa yang berdisiplin dengan disiplin syarak melalui puasa dan iltizam dengan adab-adabnya, memupuk rasa keprihatinan dan kasih sayang sesama muslim melalui sedekah dan zakat fitrah dan begitulah seterusnya.

Saya berharap ahli-ahli ISMA dan umat Islam di seluruh negara telah mengambil kesempatan yang maksima menimba bekalan untuk menyambung perjuangan mengembalikan kehidupan Islam dalam realiti. Saya juga berharap Ramadhan juga telah memberikan umat ini kekuatan untuk berdepan dengan serangan ganas musuh Islam yang tidak putus-putus. Saya yakin selama mereka berpegang dengan ajaran Islam mereka tidak akan dapat dikalahkan.

Saya juga ingin tegaskan bahawa jalan perjuangan kita sangat jelas. Perjuangan mengembalikan penghayatan Islam dalam realiti kehidupan sehingga ia menjadi satu kekuatan tamadun yang berdaulat. Islam adalah agama yang sudah lengkap. Kita tidak perlu mencari jalan yang lain daripada Islam. Dalam perjuangan ini, tiada apa yang perlu kita tokok tambah. Tugas kita ialah menampilkan qudwah dan kepemimpinan kepada masyarakat dalam menghayati Islam yang sebenarnya dalam seluruh bidang kehidupan.

Islam adalah ibadah, akhlak dan kebajikan. Islam adalah amar makruf nahi mungkar. Islam adalah kasih sayang, Islam adalah *jundiyyah* (keperwiraan terpimpin). Islam adalah persaudaraan. Islam adalah kekeluargaan. Islam adalah ketangkasan pemuda. Islam adalah khusyuk dan warak. Islam adalah kecerdasan jasmani, rohani dan mental. Islam adalah keusahawanan. Islam adalah pengabdian dan hubungan dengan Allah. Dan seterusnya lagi...

Saya juga ingin memperingatkan saudara/i semua berkenaan adab-adab menyambut raya. Hari Raya adalah hari kebesaran umat Islam iaitu hari di mana kita menyuci dan

bersambung di muka 5

Mencari Lailatul Qadr

Ramadhan pasti akan berlalu. Semakin hampir tibanya Syawal semakin tinggi ganjaran yang dikurniakan Allah kepada sesiapa yang menuruti jejak langkah kekasih-Nya Muhammad SAW.

Mari kita renung sejenak. Ramadhan yang berlalu pergi ini telahkan membuahkan taqwa atau hanya menjadi rutin tahunan kita. Sesungguhnya 10 malam terakhir Ramadhan dikurniakan satu malam yang menyamai 1000 bulan iaitu malam Lailatul Qadr.

Allah s.w.t berfirman di dalam surah An Qadr, ayat 1-5:

Ertinya: (1) *Sesungguhnya Kami telah menurunkan (Al-Quran) ini pada Malam Lailatul-Qadar, (2) Dan apa jalannya engkau dapat mengetahui apa dia kebesaran Malam Lailatul-Qadar itu? (3) Malam Lailatul-Qadar lebih baik daripada seribu bulan. (4) Pada Malam itu, turun malaikat dan Jibril dengan izin Tuhan mereka, kerana membawa segala perkara (yang ditakdirkan berlakunya pada tahun yang berikut); (5) Sejahteralah Malam (yang berkat) itu hingga terbit fajar!*

Marilah kita mengambil peluang malam-malam Ramadhan yang masih tersisa ini dengan beriktikaf di masjid seperti anjuran Rasulullah SAW sepertimana hadis yang diriwayatkan oleh A'isyah RA, beliau berkata:

"Adalah Rasulullah saw. jika telah masuk sepuluh hari terakhir bulan Ramadan, beliau menghidupkan malam (untuk beribadah), membangunkan isteri-isterinya, bersungguh-sungguh (dalam ibadah) dan menjauhi isteri."
(Shahih Muslim)

Carilah Lailatul Qadr. Sesungguhnya usia kita amat singkat. Jangan dilepaskan peluang untuk memanjangkan usia dengan kurniaan Lailatul Qadr. Siapkanlah persediaan Aidilfitri lebih awal agar tidak terganggu malam-malam akhir Ramadhan kita. Moga-moga Ramadhan kali ini berlalu dengan meninggalkan kesan ketakwaan dalam diri kita. *Insha Allah*

Katakanlah: Sesungguhnya sembahyangku dan ibadatku, hidupku dan matiku, hanyalah untuk Allah Tuhan yang memelihara dan mentadbirkan sekalian alam.

(al-Anaam: 162)

Merealisasikan taqwa adalah sebahagian daripada sikap taqwa. Lantaran penting dan wajibnya taqwa bagi setiap muslim, syariat Islam (termasuk ibadah puasa) mensasarkan pembentukan diri muslim agar menjadi insan bertaqwa. Lebih kerap lagi, setiap khatib pada hari Jumaat atau solat hari raya selalu menganjurkan jamaah untuk bertaqwa. Begitulah kekerapan penekanan taqwa dalam kehidupan beragama membuktikan bahawa taqwa adalah hasil utama yang diharapkan dari tujuan hidup manusia (ibadah).

Muslim yang bertaqwa pasti selalu berusaha melaksanakan perintah Tuhannya dan menjauhi segala larangan-Nya. Yang menjadi permasalahan sekarang ialah umat Islam berada dalam kehidupan yang serba mudah, serba senang bahkan cenderung serba boleh. Mereka sering berhadapan dengan hal-hal yang dilarang agama, tetapi sangat menarik naluri kemanusiaannya, ditambah lagi suasana keagamaan yang kurang mendokong. Keadaan ini amat berbeza dengan keadaan umat Islam terdahulu yang kental dalam kehidupan beragama dan suasana pada waktu itu yang cukup mendokong kualiti iman seseorang.

Satu kaedah khusus mendidik muslim menuju taqwa perlu diwujudkan. Ini kerana, realiti membuktikan proses pendidikan taqwa sekarang, baik yang berbentuk syariat seperti puasa dan lain-lain atau berbentuk peringatan seperti himbuan khatib dan lain-lain, terlihat kurang mengena sasaran, disebabkan beberapa faktor. Antaranya:

Pertama, muslim berkenaan belum memahami dengan sebenar pengertian taqwa, menyebabkan dia tidak berusaha melaksanakannya. Kedua, ketidaktahuannya tentang bagaimana, dari mana dan bilakah dia harus mula merealisasikan taqwa. Kemudian yang ketiga kondisi sosial di mana dia hidup, tidak mendokong dirinya dalam membangun sikap taqwa, seperti suasana kehidupan sekarang yang serba selesa dan cenderung serba boleh. Keempat, wahana pendidikan diri seperti puasa tidak dilakukan secara sebenar bahkan sekadar rutin yang kosong daripada penghayatan.

Oleh itu, setiap individu muslim mestilah mengetahui "pos-pos alternatif" yang harus dilaluinya. Antara yang paling awal dan utama adalah ghaddhul bashor (memalingkan pandangan). Pandangan (dan juga pendengaran) adalah fasa awal dari segala tindakan. Penglihatan atau pendengaran yang dirakam oleh pancaindera kemudian dihantarkan ke otak lalu direfleksikan oleh anggota tubuh dan akhirnya berimbas ke hati sebagai tempat bersemayam taqwa.

Jika penglihatan atau pendengaran bersifat negatif dalam erti melanggar larangan agama maka ia membuatkan hati menjadi kotor. Jika hati sudah kotor maka fikiran (akal) juga menjadi kotor, dan ini memberi kesan kepada kehidupan amali. Jika perilaku, fikiran dan hati sudah kotor tentunya untuk mencapai sikap taqwa menjadi semakin sukar. Menjaga mata, telinga, fikiran, hati dan perbuatan dari hal-hal yang dilarang agama, menjadikan seorang muslim memiliki kesempatan besar dalam memperoleh taqwa.

Taqwa adalah sebaik-baik bekal yang wajib kita perolehi dalam mengharungi kehidupan dunia yang fana dan pasti hancur ini, untuk dibawa kepada kehidupan akhirat yang kekal dan pasti dilalui. Adanya kematian sebagai sesuatu yang pasti dan tidak dapat diandai-andaikan serta adanya kehidupan setelah kematian menjadikan taqwa sebagai sasaran yang wajib digapai dalam kehidupan manusia yang sangat singkat ini.

Mula untuk bertaqwa adalah dengan mula melakukan hal-hal yang terkecil seperti menjaga pandangan, serta melatih diri untuk terbiasa menjalankan perintah Allah dan menjauhi segala larangan-Nya. Semoga Ramadhan pada tahun ini dapat lebih memahamkan kita erti taqwa itu sendiri sebagaimana dikatakan oleh Imam Jalaluddin Al-Mahally dalam tafsirnya bahawa erti taqwa adalah melaksanakan segala perintah Allah dan menjauhi segala larangan-Nya.

Kehidupan singkat dan kematian yang panjang

Oleh: Dr. Nujaimin Udin

Bidang perubatan telah berkembang pesat selepas selepas dunia memasuki abad kedua puluh dan terus maju dalam abad kedua puluh satu ini. Penemuan baru cara mengesan penyakit dan merawat pesakit telah memanjangkan jangka hayat manusia kepada hampir sekali ganda berbanding dahulu.

Jika kita perhatikan zaman atuk dan nenek kita di Malaysia pada awal tahun 1900 hingga pertengahan abad tersebut, kebanyakan penyakit yang diceritakan oleh mereka adalah penyakit berjangkit seperti batuk kering, diphtheria, jangkitan kulit, radang paru-paru, dan taun. Namun dengan kemunculan antibiotic, cerita-cerita penyakit berjangkit telah berkurangan dengan ketara. Tiada lagi cerita kanak-kanak berkudis berlari mengelilingi kampung, perut buncit kerana cacing atau demam cacar. Jika adapun peratusannya adalah kecil. Malaysia bertambah sihat? Benar daripada aspek tersebut. Namun kini perbincangan kita jika bercerita tentang penyakit telah berubah kepada topik yang secara umumnya dikenali sebagai penyakit degeneratif kronik termasuklah, kanser, strok, kencing manis, sakit jantung koronari, sakit buah pinggang, Alzheimer, dan Parkinson.

Malah bukan sesuatu yang asing jika seorang pesakit mengidap lebih daripada dua penyakit dalam satu masa. Penyakit dua dalam satu atau kombinasi tiga serangkai seperti kencing manis dan kegagalan buah pinggang, atau darah tinggi dan strok ditambah dengan bonus sakit jantung bukanlah sesuatu yang jarang kedengaran. Malah ubat yang diambil hampir sama banyak dengan nasi yang dimakan setiap hari. Maaf, agak keterlaluan ayat tersebut, tetapi polifarmasi atau pelbagai ubat untuk satu-satu penyakit telah menjadi kebiasaan. Bayangkan jika seseorang mengidap dua atau tiga jenis penyakit dalam satu masa untuk sepuluh hingga dua puluh tahun. Berapa banyak ubat yang diperbuat daripada bahan-bahan kimia yang terpaksa ditelan?

Selain daripada kematian akibat kemalangan jalanraya yang kekal menjadi pembunuh utama di Malaysia, kerap kedengaran adalah kawan-kawan atau ibu-bapa kita meninggal dunia kerana salah-satu daripada penyakit di atas. Kematian bukan sahaja disebabkan penyakit-penyakit tersebut tetapi akibat kesan sampingan ubat-ubat yang dimakan dalam kuantiti yang banyak dan jangka masa yang panjang. Inilah yang dikatakan penawar yang dicari, racun pula jadinya. Kenapa semua perkara ini berlaku?

Tidak dinafikan ekoran perkembangan dan kemajuan bidang perubatan jangka hayat penduduk dunia dan Malaysia telah bertambah. Jika moyang kita dahulu hidup sehingga pertengahan umur, kita mungkin mampu hidup hingga tiga suku abad. Secara purata jangka hayat lelaki Malaysia ialah 71 tahun dan wanita pula 73 tahun. Namun lebih daripada separuh warga emas Malaysia hidup dengan bergantung kepada ubat-ubat dan mesin-mesin bantuan hayat. Jika diperhatikan sijil kematian kini hampir tiada penyebab kematian dinyatakan sebagai mati sakit tua.



Strok berdarah, serangan jantung, kegagalan buah pinggang, pelbagai jenis kanser daripada kanser otak kepada kanser kulit, menjadi penyebab kematian utama yang tertera di siji-sijil kematian pada zaman ini. Itulah yang saya maksudkan kita hidup terlalu singkat dan telah meninggal lama sementelah masih bernyawa kerana kualiti kesihatan yang buruk.

Saya rasa anda bersetuju jika saya nyatakan kehidupan tanpa kualiti kesihatan yang baik dalam jangka masa yang lama adalah kehidupan yang kurang bermakna. Hari-hari emas selepas berumur lima puluh tahun atau kita kenali sebagai zaman persaraan yang sepatutnya dinikmati selepas penat 30 puluh tahun bekerja telah berubah menjadi penjara yang tidak bergerigi kepada banyak penduduk Malaysia. Selain terpaksa menjadi pengunjung tetap klinik dan hospital dan menelan ubat-ubat pahit, pesakit-pesakit kronik dan degeneratif terpaksa bertarung dengan diri sendiri untuk mengekalkan emosi yang stabil. Kemajuan perubatan juga membawa bersamanya kos yang tinggi. Malang bagi seorang pesakit yang terpaksa melawan penyakit dan pada masa yang sama membayar kos yang tinggi untuk rawatan dan ubat. Ini tidak termasuk masa yang terpaksa dihabiskan untuk rawatan, berulang-alik ke klinik dan kemasukan wad. Lebih mendukacitakan pesakit-pesakit tersebut pada setiap kali berjumpa dengan doktor, sekadar yang diberitahu adalah keadaan penyakit yang semakin teruk dan tiada ubat yang boleh menyembuhkannya, sekadar melambatkan kemudaratanya atau merawat simptomnya sahaja.

Adakah cara yang lebih baik mengatasi masalah kesihatan ini? Insya Allah kita berjumpa lagi dengan apa yang dimaksudkan dengan tindak balas sel dengan pencegahan penyakit.

Program Penghayatan Ramadhan (Ihya Ramadhan 1428)

Seremban 26hb Ogos 2007 - Program Penghayatan Ramadhan telah diadakan di Masjid Sikamat, Seremban pada 26hb Ogos baru-baru. Program tersebut telah dianjurkan bersama oleh ISMA Negeri Sembilan dan Jabatan Hal Ehwal Agama Islam Negeri Sembilan (JHEAINS) dengan objektif untuk menyuburkan semangat menghidupkan Ramadhan sebagai bulan peningkatan diri, keluarga dan masyarakat.

Program Ihya' Ramadhan 1428 kali ini telah dirasmikan oleh Pemangku Pengarah JHEAINS yang mengalu-alukan kerjasama yang erat di antara Jabatan dan badan NGO dalam melaksanakan amal pengislahan di dalam masyarakat. Sambutan yang diterima adalah diluar jangkaan kerana hampir 200 orang peserta telah menghadiri seminar yang diadakan seawal dua minggu sebelum menjelangnya bulan Ramadhan. Pembentangan pertama yang bertajuk 'Persediaan & Pengajaran Ramadhan serta kesannya terhadap pembangunan keluarga' telah dibentangkan dengan penuh bersemangat oleh Ustaz Mejar Nadzri b. Munsman, Pegawai Staf Undang-Undang Syariah KAGAT.

Ustazah Nik Norsaha Binti Nik Muhammad, seorang pendidik dari



Panelis "Talk Show"

Sekolah Menengah Pasir Besar telah membuat pembentangan yang ke dua yang bertajuk 'Fiqh Ramadhan dan Adab Puasa'. Kepetahan dan kemampuan berceramah secara bersahaja bagi seorang ibu yang baru melahirkan anak yang ke sepuluh itu cukup untuk memberi kepuasan rohani kepada peserta sehingga ramai yang menitikkan air mata.

Program Ihya' kali ini telah disempurnakan dengan majlis talk show yang telah dianggotai oleh dua orang penalis iaitu Mejar Nadzri Munsman dan Dr Zainur Rashid Zainuddin, Ketua Biro Dakwah ISMA Negeri Sembilan. Majlis ini berlangsung dengan penuh kehangatan apabila banyak soal jawab telah diajukan oleh peserta Ihya setelah penalis



Antara hadirin yang hadir

mengutarakan kesan-kesan puasa kepada kesihatan dan Kempen Nafas Baru Ramadan Wanita ISMA Negeri sembilan turut membuka gerai jualan yang pelbagai disamping pameran ISMA dan pameran Palestin yang berlangsung sepanjang Program Ihya' tersebut. Rata-rata para peserta merasakan bahawa program seumpama itu sepatutnya diadakan pada setiap tahun dengan tempoh masa yang lebih panjang.

Ustaz Hj Jamil Abdul Wahab, selaku Nazir Masjid Sikamat amat bersyukur dengan perjalanan licin dan sambutan program yang dirancang dan berkata bahawa beliau dengan hati yang terbuka mengalu-alukan cadangan agar ISMA Negeri Sembilan menjadikan Masjid Sikamat sebagai 'masjid angkat' ISMA NS.

Kejohanan Futsal KRIM Pantai Timur

oleh: Nasrul Muhaimin

Dungun, 9 Sept. 2007 - Kejohanan Futsal KRIM Pantai Timur 2007 telah diadakan di Terengganu. Ianya telah dihadiri oleh wakil-wakil pasukan dari negeri-negeri pantai Timur - Pahang, Terengganu dan Kelantan.

Kejohanan ini telah dibahagikan kepada 2 bahagian iaitu menengah rendah dan menengah atas. Sebanyak 7 pasukan telah mengambil bahagian dalam kejohanan ini yang mana telah dimenangi oleh Terengganu bawah 18 tahun bagi peringkat menengah atas dan Pahang bawah 15 tahun bagi menengah rendah.



Peserta tekin mendengar taklimat

Antara objektif kejohanan ini adalah mengeratkan ukhuwwah di antara ahli-ahli KRIM Pantai Timur dan pemantapan kesihatan fizikal. Program ini berpotensi menjadi batu loncatan



Peserta dan penganjur bergambar bersama

bagi KRIM negeri-negeri Pantai Timur untuk lebih berkerjasama dalam merangka pelbagai lagi program bagi ahli-ahli KRIM di seluruh Pantai Timur, insyaAllah.

Rehlah ISMA NS di Sungai Congkak



Tazkirah



Bermain bola dalam kebun



Sesi Taklimat

Seremban 1hb Sept 2007 - Ikatan Muslimin Malaysia (ISMA) Negeri Sembilan telah mengadakan program rehlah baru-baru ini yang berlangsung di Impiana Resort, Sungai Congkak Selangor.

Program ini yang menggabungkan 40 orang ahli baru dan veteran ISMA NS adalah bertujuan

untuk mengeratkan ukhuwah sebagaimana temanya "Ukhuwah Cemerlang, ISMA Dijulang". Program bermula pada jam 8.30 pagi apabila peserta bertolak dari Seremban ke Sg Congkak, Selangor.

Di antara acara program rehlah kali ini ialah sesi perkenalan, acara berkumpulan, permainan bola dalam

kebun, acara dalam air serta persembahan nasyid.

Menurut pengarah program iaitu Saudara Zulkifli Ismail, program kali ini telah berjaya mencapai objektifnya iaitu merapatkan ukhuwah disamping menaikkan semangat di kalangan ahli ISMA NS untuk terus menggembeling tenaga dalam usaha dakwah.

bersambung dari muka hadapan

membesarkan Allah atas hidayah dan taufik-Nya yang memberikan kita kemenangan sepanjang Ramadhan untuk melawan nafsu dan dorongan syaitan. Allah Maha Besar. Tiada tipu daya yang lebih dahsyat berbanding mengabaikan pengertian ini. Oleh itu janganlah kita terikut-ikut dengan amalan orang yang jahil dalam masyarakat kita yang menjadikan Hari Raya sebagai perayaan syaitan dan hawa nafsu. Segala perkara yang tidak boleh dilakukan sepanjang Ramadhan dilakukan pada Hari Raya ini. Hari syaitan terlepas dari belenggu dan nafsu bolos dari kekangan.

Saya juga ingin ingatkan supaya saudara/i berhati-hati semasa memandu. Setiap tahun sambutan raya mengemukakan ribuan korban manusia hasil sikap jahil, tidak sabar dan tidak bertolak ansur kita sesama pengguna jalan raya. Islam agama yang menggesa kita agar bersikap sopan dan menghormati orang lain. Di samping itu janganlah bergopoh gapah dan tidak berdisiplin kerana mahu cepat sampai ke destinasi. Tidak banyak bezanya.. lebih baik lambat, berbanding pulang



gambar hiasan

dengan berlumuran darah atau menyambut raya di hospital atau kehilangan orang yang diraikan... fikirilah masak-masak.

Selain itu, raya kita tahun ini disambut dalam keadaan bala inflasi yang semakin tinggi, kuasa membeli semakin rendah dan harga barang semakin tinggi. Oleh itu berpada-pada dalam berbelanja. Masing-masing ukur kemampuan sendiri. Janganlah sampai kita terpaksa berhutang yang akan membawa



penyesalan pada kemudian hari. Marilah kita sama-sama berdoa agar kita diselamatkan daripada wabak, bala dan inflasi..

Akhirnya marilah kita tidak melupai saudara-saudara kita yang berada dalam kesusahan di mana jua mereka berada terutama di Palestin, Iraq, Kasymir, Chenchnya, Bosnia, Filipina, selatan Thai, Kemboja dan di mana sahaja mereka mereka berada. Tidak lupa kepada ikhwan dan saudara perjuangan Islam yang dipenjara dan dizalimi seperti di Mesir dan dibuang negara seperti di Tunis.

Allahumma farrij karba al makrubin, wa fakki asra al-ma'surin. Allahumma unsur al-mujahidin wa qawwi 'aza'imahum wa tsabbit aqdamahum, wa saddid ramyahum...wa unsurhum ala a'da'ihim.

Remaja & Ramadhan



“Anas semalam kau tarawih berapa rakaat? Kat masjid baru ke?” tanya Zabidi. “Mestilah 20 rakaat, tapi kat surau aje. Cepat sikit habis. Moreh pun sedap kat surau tu” jawab Anas. Ini adalah sedutan perbualan yang biasa kita dengar apabila tibanya Ramadan. Ramadan datang membawa sinar baru dalam kehidupan remaja. Apakah sinar baru yang dimaksudkan? Hayati dan cuba fahami ayat-ayat seterusnya....

Wahai orang-orang yang beriman! Kamu diwajibkan berpuasa sebagaimana diwajibkan atas orang-orang yang dahulu daripada kamu, supaya kamu bertakwa. (al-Baqarah: 183)

Puasa di bulan Ramadhan dilaksanakan setiap tahun. Maka setiap tahun juga kita didengarkan ayat di atas. Tetapi adakah kita menghayati ayat tersebut atau hanya mendengar sahaja tanpa berfikir. Dalam ayat tersebut Allah dengan jelas menggariskan Objektif puasa iaitu TAKWA. Timbul pula satu persoalan, apakah yang dimaksudkan dengan takwa? Takwa menurut bahasa bermaksud takut atau memelihara. Maksud takwa pada syarak ialah seperti berikut:

- a) Saidina Ali berkata: Takwa adalah takut kepada Tuhan al-Jalil, beramal dengan al-Quran yang diturunkan, reda dengan sedikit dan bersedia untuk hari akhirat.
- b) Abu Bakar Muhammad al-Rauzabari berkata: Takwa menjauhkan apa yang menjauhkan kamu daripada Allah.

Sayid Qutub dalam menghuraikan ayat di atas (2:183) menyatakan: “Demikianlah ayat ini menonjolkan matlamat agung daripada ibadat puasa iaitu untuk mencapai takwa. Takwa itulah yang bersemarak dalam hati ketika hendak mengerjakan fardu puasa kerana menjunjung perintah Allah dan mengutamakan keredaan-Nya. Takwa itulah yang mengawal hati daripada merosakkan ibadat puasa dengan maksiat walaupun maksiat yang berbisik dalam hati.”

Realitinya pada hari ini, ramai dikalangan kita yang berpuasa kerana adat bukan ibadat. Perkara ini berlaku kerana tiada kefahaman tentang matlamat dan hikmah diwajibkan puasa. Golongan inilah yang dinyatakan oleh Rasulullah SAW dalam hadis dari Abi Hurairah RA sabdanya yang bermaksud: “boleh jadi ramai orang berpuasa sedangkan ganjaran puasa hanya mendapat lapar dan dahaga sahaja, dan boleh jadi berapa ramai orang yang bersolat malam habuan dari solat sunat qiamnya itu hanya sekadar berjaga malam sahaja” (hadis riwayat at-Tabrani).

Maka rugilah orang yang tergolong dikalangan mereka yang tidak mendapat ganjaran daripada Allah SWT pada bulan yang begitu mudah mendapat kurniaan. Kenapa mereka ini tidak diganjar oleh Allah? Antara sebabnya ialah seperti sabda Nabi SAW bermaksud: “barangsiapa yang tidak meninggalkan kata-kata dusta dan ia masih melakukannya maka Allah tidak berkehendakkan bahawa ia meninggalkan makan dan minumannya (tiada puasa baginya) (hadis riwayat al-Bukhari)

Puasa juga melatih kita untuk membuang tabiat buruk seperti berkata-kata dengan ungkapan yang tidak elok, bermasam muka dan bergaduh. Perhatikanlah pesan Rasulullah SAW yang maksudnya: “ puasa itu adalah perisai (benteng pertahanan) , (apabila seorang itu berpuasa) maka janganlah ia mengeluarkan perkataan keji dan jangan pula ia buat-buat tidak tahu. Sekiranya ada orang yang hendak menyakit hatinya dengan bergaduh atau memaki hamunnya maka hendaklah dia ucapkan sesungguhnya aku ini berpuasa sebanyak dua kali” (hadis riwayat al-Bukhari dan Muslim).

Sesungguhnya Ramadan menjadi medan untuk berubah dan madrasah yang akan melahirkan insan bertakwa. Sekiranya dari usia remaja kita berusaha untuk menjadi orang yang bertakwa, nescaya insya Allah kita mampu mencapainya. Tetapi sekiranya kita membazirkan setiap Ramadan yang hadir dalam hidup kita dan menunggu tua baru mencari takwa, rugilah usia yang dikurniakan Allah.

Akhirnya janganlah kita menjadi orang yang mengetuk pintu neraka setelah ianya ditutup oleh Allah sempena Ramadhan. Hendaklah kita bersegera menuju ke pintu-pintu syurga yang terbuka luas dihadapan kita.

“Apabila malam pertama Ramadhan menjelang, syaitan dan para pelampau jin dibelenggu, pintu-pintu neraka ditutup dan tiada satupun yang dibuka, pintu-pintu syurga pula dibuka dan tiada satupun yang ditutup. Si tukang seru menyeru: Wahai pencari kebaikan! Ayuh maju. Wahai pencari kejahatan! Ayuh berhenti”. [Diriwayatkan oleh at-Tirmizi]

Sesungguhnya Ramadhan menjadi medan untuk berubah dan madrasah yang akan melahirkan insan bertakwa. Sekiranya dari usia remaja kita berusaha untuk menjadi orang yang bertakwa, nescaya insya Allah kita mampu mencapainya. Tetapi sekiranya kita membazirkan setiap Ramadan yang hadir dalam hidup kita dan menunggu tua baru mencari takwa, rugilah usia yang dikurniakan Allah.

Harta Sepencarian Menurut Perspektif Islam

.....bersambung dari keluaran lepas

Di dalam kes *Noor Bee* lawan *Ahmad Shanusi*, JH [1401H] Jil.1 Bhgn.II muka surat 63, Yang Arif Tuan Haji Harussani bin Haji Zakaria, Kadi Besar Negeri Pulau Pinang pada masa itu, antara lain berpendapat:


"Harta sepencarian diluluskan oleh syarak atas dasar khidmat dan perkongsian hidup. Isteri mengurus dan mengawal rumah tangga suami yang keluar mencari nafkah. Isteri, menurut syarak berhak mendapat orang gaji dalam mengurus rumah tangga, jika tidak maka kerja memasak, membasuh dan mengurus rumah hendaklah dianggap sebagai sebahagian dari kerja yang mengurangkan tanggungan suami".



“

Mahkamah adalah mempunyai bidangkuasa, apabila membenarkan lafaz talaq atau apabila membuat suatu perintah perceraian, memerintah supaya apa-apa asset yang diperolehi oleh pihak-pihak itu dalam masa perkahwinan.....

”



Akta Undang-Undang Keluarga Islam (Wilayah-Wilayah Persekutuan)1984 (Akta 303) telah menyebutkan secara jelas di dalam Seksyen 58 mengenai kuasa mahkamah memerintah pembahagian harta sepencarian, iaitu:

(1) Mahkamah adalah mempunyai bidangkuasa, apabila membenarkan lafaz talaq atau apabila membuat suatu perintah perceraian, memerintah supaya apa-apa asset yang diperolehi oleh pihak-pihak itu dalam masa perkahwinan dengan usaha bersama mereka dibahagi antara mereka atau supaya mana-mana asset itu dijual dan hasil jualan itu dibahagi antara pihak-pihak itu.

(2) Pada menjalankan kuasa yang diberi oleh subseksyen (1), Mahkamah hendaklah mengambil perhatian tentang-

- (a) takat sumbangan-sumbangan yang telah dibuat oleh tiap-tiap satu pihak dalam bentuk wang, harta, atau kerja bagi memperoleh aset-aset itu;
- (b) apa-apa hutang yang terhutang oleh salah satu pihak yang telah dilakukan bagi manfaat bersama mereka;
- (c) keperluan-keperluan anak-anak yang belum dewasa dari perkahtwinan itu, jika ada, dan tertakluk kepada pertimbangan-pertimbangan itu, Mahkamah hendaklah membuat pembahagian yang sama banyak.

Tuntutan harta sepencarian hendaklah dipohon di Mahkamah Tinggi Syariah dan tuntutan ini akan berlaku apabila pasangan suami isteri yang bercerai sama ada cerai mati atau cerai hidup dan juga pasangan yang ingin berpoligami.

Makluman

Bantuan anda diperlukan. Allah membantu seseorang hamba selagi si hamba membantu saudaranya


1. Ust. Sulaiman Mohd Noor.

Terbabit dalam kemalangan, dilanggar kereta semasa menunggang motosikal menyebabkan tulang peha dan rahangnya patah.
No. Tel. Beliau 013-641 9683

2. Ust. Firdaus Tahir (Abu Haziq)

Kanser tahap 4 (akhir)
No. Tel. Beliau 019-570 9420





Alan Greenspan
Mantan Pengerusi Rezab Persekutuan
Amerika

“**Senario ini sebenarnya bukan sahaja membimbangkan Amerika malah Malaysia juga akan terkesan sekiranya berlaku kemelesetan dalam ekonomi Amerika. Trend ekonomi menunjukkan kekuatan ekonomi kita banyak bergantung kepada faktor luaran termasuklah keadaan ekonomi dan pasaran saham Amerika.**”

**Dapatkan Naskah
Anda Sekarang!**



**Hubungi
03-8926 1520**

Bersediakah kita menghadapi kemelesetan ekonomi dunia?

Baru-baru ini bekas Pengerusi Rezab Persekutuan Amerika, Alan Greenspan telah memberi amaran kemungkinan ekonomi Amerika akan mengalami kemelesetan seawal-awalnya hujung tahun ini. Beliau berkata ekonomi Amerika telah berkembang sejak 2001 dan terdapat tanda-tanda kitaran ekonomi yang menunjukkan ia telah sampai ke penghujungnya.

Beliau yang juga merupakan tokoh ekonomi yang disegani telah memberi beberapa tanda kemungkinan kemelesetan itu antaranya kestabilan dalam margin keuntungan di Amerika, kejatuhan defisit belanjawan yang teruk kepada 247.7 billion dollar Amerika (yang terendah dalam masa 4 tahun) dan peningkatan drastik dalam harga minyak dunia.

Senario ini sebenarnya bukan sahaja membimbangkan Amerika malah Malaysia juga akan terkesan sekiranya berlaku kemelesetan dalam ekonomi Amerika. Trend ekonomi menunjukkan kekuatan ekonomi kita banyak bergantung kepada faktor luaran termasuklah keadaan ekonomi dan pasaran saham Amerika. Ini tidak menghairankan, kerana Amerika adalah pelabur utama di Malaysia dan kita amat mengharapkan eksport keluaran tempatan ke negara tersebut.



Persoalan yang membimbangkan di sini adalah kesan dari kemungkinan kemelesetan ini kepada Malaysia dan sejauhmana kerajaan dan masyarakat bersedia untuk menghadapinya.

Kerajaan Malaysia perlu mengambil langkah berjaga-jaga dengan amaran awal ini dengan mengambil langkah berjimat cermat dan berhati-hati dalam perbelanjaan kerajaan. Sumber daripada laporan Audit Negara 2006 yang heboh diperkatakan oleh media massa baru-baru ini benar-benar memeranjat dan mengecewakan. Pembelian barangan dengan harga yang tidak munasabah, pembaziran yang ketara serta sumber pendapatan negara yang gagal dikutip dan diserahkan kepada kerajaan menunjukkan agensi kerajaan masih alpa dan belum bersedia sepenuhnya untuk menghadapi kemelesetan ekonomi.

Sebaiknya mereka mengambil pengajaran dari kegawatan ekonomi negara pada 1997 dan bersedia dari awal. Langkah penjimatan dan berusaha bersungguh-sungguh untuk mengutip pendapatan negara perlu menjadi agenda utama semua agensi-agensi kerajaan. Bak kata pepatah “sediakan payung sebelum hujan”

Bagi ahli-ahli ISMA pula, samada yang berniaga sendiri, makan gaji atau suri rumah, sudah sampai masanya kita berhati-hati dan mula membuat tabung dari sekarang. Harga minyak sudah pasti akan naik lagi tahun depan dan disusuli pula oleh kenaikan harga barang-barang keperluan lain. Sejuah manakah persediaan kita menghadapinya?